

## KDN arah agensinya tingkatkan operasi pematuhan SOP

**PUTRAJAYA** - Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengarahkan semua agensinya meningkatkan dan memperketatkan operasi penguatkuasaan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

KDN dalam kenyataan berkata, selain menambah bilangan kekuatan anggota serta operasi sekatan jalan raya (SJR), pemantauan akan dijalankan di seluruh negara.

“Pemantauan pematuhan SOP akan dilakukan di premis perniagaan dan industri, bangunan pejabat dan kawasan kediaman serta terminal dan stesen pengangkutan awam seperti KTM Komuter, LRT, MRT, ERL, KL Monorail ataupun melalui perkhidmatan *e-hailing*,” menurut kenyataan itu pada Isnin.

Kementerian itu berkata, antara agensi yang terlibat ialah Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Penjara, Jabatan Sukarelawan Malaysia, Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah, Agensi Antidadah Kebangsaan dan Agensi Kawalan Sempadan.